

## **Tindakan Pematuhan UPM Terhadap Ketetapan Terkini Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)**

### **Penetapan Caj Permohonan Pindaan Tarikh Mula Sah Laku Perakuan Akreditasi Penuh Bagi PPT Berstatus Swaakreditasi**

[Surat Makluman MQA Bil. 12/2025 bertarikh 21 Julai 2025]

#### Ringkasan ketetapan

- i. Pelaksanaan caj permohonan pindaan tarikh mula sah laku perakuan akreditasi penuh bagi PPT berstatus swaakreditasi telah ditetapkan oleh MQA bagi penggunaan berkuat kuasa pada **1 Oktober 2025**.
- ii. PPT berstatus swaakreditasi perlu mengemukakan permohonan pendaftaran program dalam Daftar Kelayakan Malaysia (MQR) selaras dengan syarat umum perakuan status swaakreditasi.
- iii. Setiap program yang telah didaftarkan dalam MQR akan mempunyai tarikh mula sah laku Akreditasi Penuh yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, MQA sering lewat menerima permohonan dan seterusnya terdapat rayuan daripada PPT untuk meminda tarikh sah laku tersebut bagi memastikan pelajar kohort tertentu terangkum dalam tempoh akreditasi berkenaan.
- iv. Oleh itu, sebarang permohonan rayuan untuk pindaan tarikh mula sah laku Akreditasi Penuh akan dikenakan caj perkhidmatan.
- v. Maklumat berkaitan seperti yang diterangkan di atas boleh dirujuk dan dimuat turun melalui laman web CQA di bawah modul [SWAAKREDITASI](#).

#### Tindakan di peringkat UPM

- vi. Semua Fakulti/Sekolah yang menawarkan program perlu merujuk kepada penetapan caj ini untuk permohonan rayuan pindaan tarikh mula sah laku Akreditasi Penuh seperti berikut:

| Bilangan Hari | Penetapan Bilangan Tahun | Kadar Caj Berdasarkan Tahap Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) |                  |
|---------------|--------------------------|---------------------------------------------------------------|------------------|
|               |                          | Tahap 3, 4 dan 5                                              | Tahap 6, 7 dan 8 |
| 1-365         | 1 tahun                  | RM1400.00                                                     | RM 2000.00       |
| 366-730       | 2 tahun                  | RM 2800.00                                                    | RM 4000.00       |
| 731-1095      | 3 tahun                  | RM 4200.00                                                    | RM 6000.00       |
| 1096-1460     | 4 tahun                  | RM 5600.00                                                    | RM 8000.00       |

Dan tambahan caj adalah mengikut tahun seterusnya berdasarkan bilangan hari.

\*Pengiraan bilangan hari adalah bagi tahun lazim. Sekiranya melibatkan tahun lompat, bilangan hari perlu ditambah satu hari.

- vii. Semua Fakulti/Sekolah boleh mengemukakan permohonan menggunakan borang (**Lampiran D1**) berserta justifikasi yang kukuh dan dokumen sokongan yang berkaitan. Walau bagaimanapun, semua permohonan tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan pihak MQA dan sebarang keputusan adalah muktamad.

Disediakan oleh:  
Pusat Jaminan Kualiti (CQA)  
Pejabat Naib Canselor  
Universiti Putra Malaysia  
4 September 2025